

Pesawat Charlie Tidak Digunakan Untuk Bawa Pulang Rakyat Malaysia Dari Syria
Bernama
23 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Warga Malaysia di Syria akan dibawa pulang ke tanah air menggunakan penerbangan komersial yang disewa khas, dan bukannya pesawat Charlie milik Tentera Udara Diraja Malaysia.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ini kerana tempat duduk dalam pesawat Charlie adalah terhad dan kos menggunakan pesawat itu agak tinggi.

"Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Keselamatan Negara mengenai hal ini," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan pemilihan pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara Siri 10/2013 di sini pada Isnin.

Kumpulan pertama rakyat Malaysia di Syria yang dibawa pulang oleh kerajaan berikutan pergolakan yang semakin meruncing di negara itu, dijangka tiba di tanah air Selasa.

Zulkifeli, yang turut hadir pada majlis itu, berkata ATM akan memantau proses membawa pulang rakyat Malaysia itu bersama penasihat pertahanan negara ini di Jordan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682518>

